



# SIARAN MEDIA

## KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS: 91/2024

### KOMPLEKS RAKAN MUDA YANG TELAH SELESAI DINAIK TARAF KINI SEDIA MEMBERI RUANG TERBAIK BUAT BELIA DI ROMPIN

---

1. **YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan** telah menghadiri **Majlis Penyerahan Siap Kerja Kompleks Rakan Muda Rompin** bertempat di Kompleks Rakan Muda (KRM) Daerah Rompin hari ini.
2. Projek naik taraf ini melibatkan dua komponen utama. Komponen pertama merupakan **Projek Naik taraf Kompleks Rakan Muda Rompin yang dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR)** yang telah bermula pada Mac 2022 dengan skop:
  - Membina sebuah bilik mesyuarat berkapasiti 60 orang dan bilik kuliah;
  - Menaik taraf gelanggang futsal kepada gelanggang berbumbung;
  - Membaik pulih kerosakan dewan utama;
  - Menaik taraf kolam skuba;
  - Menaik taraf elektrik dan mekanikal;
  - Menaik taraf asrama; dan
  - Menaik taraf stor utama dan dermaga
3. Komponen kedua projek ini merupakan **Pembinaan Benteng Pemecah Ombak yang dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)** yang telah bermula pada Ogos 2022. Pembinaan benteng sepanjang 500 meter ini bertujuan mengelakkan hakisan di pantai sepanjang kompleks ini.

4. Kompleks Rakan Muda yang telah dinaik taraf kini bukan sahaja menawarkan kemudahan yang lebih moden dan serba lengkap, tetapi ia juga menyediakan ruang yang luas untuk golongan belia di daerah Rompin terutamanya untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti. Adalah diharapkan KRM Rompin ini akan terus berkembang sebagai pusat utama bagi pembangunan belia dan sukan di daerah Rompin dan negeri Pahang.
  
5. Kerajaan MADANI sentiasa komited dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif strategik berkaitan belia dan sukan negara. Usaha ini antra lain tertumpu bagi meningkatkan aksesibiliti kemudahan sukan yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
16 Disember 2024**